

1,927 graduan 24 IPTS terima ijazah, diploma

SERAMAI 1,927 graduan dari 24 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia - Institut Pengajian Tinggi Swasta (UPM - IPTS) ke-6 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz, UPM Serdang, hari ini.

Ketua Pegawai Operasi Kolej Uniti, Amir Hamzah Md Isa, berkata daripada jumlah itu, 286 graduan menerima ijazah, manakala 1,641 lagi diploma yang disampaikan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie.

Katanya, mereka adalah lulusan 15 program kerjasama UPM-IPTS, iaitu Bachelor Pentadbiran Perniagaan (BPP), Bachelor Sains Komputer (BSK), Bachelor Kejuruteraan Mekanikal (BKM), Bachelor Kejuruteraan Awam (BKA), Bachelor Kejuruteraan

Elektrik dan Elektronik (BKEE), Bachelor Sastera (BS) serta Bachelor Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi (BSKK).

Program diploma pula ialah Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Sains Komputer (DSK), Diploma Pembangunan Manusia (DPM), Diploma Pengurusan Perniagaan (DPP), Diploma Pertanian (DP), Diploma Perhutanan, Diploma Kejuruteraan Elektronik (DKE) dan Diploma Kejuruteraan Teknologi Multimedia (DKTM).

Beliau berkata, IPTS terbabit menjalankan program kerjasama UPM itu ialah Kolej Uniti, Kolej Teknologi Timur, Kolej Teknologi Bestari, Kolej Teknologi Cybernatics, Kolej Shahputra, Kolej Sal, Kolej Yayasan Melaka, Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur.

Kolej Prime, Kolej Informasi Tek-

nologi Cosmospect, Kolej Karisma, Kolej Risda, Kolej Negeri, Institut Teknologi Darul Takzim, Kolej Islam Yayasan Pelajaran Johor, Institut Informasi Multimedia, Kolej Chermajaya.

Pusat Lanjutan dan Pengurusan, Institut Teknologi ANS, Kolej PolyTech Mara, Institut Kota Melaka, Kolej Kamunting, Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang dan Institut Teknologi Sara.

Mengikut pecahan bachelor, seramai 124 graduan BS, diikuti BSK (79), BPP (40), BSCK (13), BKK (sembilan), BKA (lapan) dan BKEE (tujuh) dan BKM (enam).

Bagi diploma, seramai 1,271 graduan DSK, diikuti DPP (277), DKTM (50), DPM (35), DKA (tiga) dan DKE (tiga) dan masing-masing seorang DP dan Diploma Perhutanan.